

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Mohamad Azmin Bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam penganugerahan kontrak pembelian 6 buah kapal peronda yang bernilai RM381 juta.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam penganugerahan kontrak membekal, menghantar, menguji dan mentauliah enam (6) buah kapal ronda untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) adalah seperti berikut:

- 1) Syarikat hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang 110699 (Pembuat) serta mempunyai kad pintar e-Perolehan;
- 2) Syarikat hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam syarat penyerahan dokumen tender;
- 3) Mengambil kira prinsip "*best value for money*" dan perolehan yang menguntungkan Kerajaan;
- 4) Dapat memperkembangkan industri perkapalan di Malaysia;
- 5) Dapat memperkembangkan industri perkapalan Bumiputera; dan
- 6) Dapat menggalakkan penggunaan *local content* dengan memberi peluang kepada warga tempatan melalui latihan teknikal.

Sekian. Terima kasih.